

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 30 NOVEMBER 2015

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilakah Kerajaan boleh meminda Akta Kerja 1955 boleh dilaksanakan.

PR-1333-L70579

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan ini, pada masa sekarang Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang melaksanakan kajian semula secara menyeluruh (*holistic review*) ke atas undang-undang buruh utama negara termasuk Akta Kerja 1955. Sesi libat urus bersama *stakeholders* telah pun diadakan mulai Mei tahun ini untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pelbagai pihak secara menyeluruh. KSM masih sedang melaksanakan sesi libat urus ini.

2. Pelaksanaan kajian holistik ini akan memerlukan tempoh masa yang panjang kerana penambahbaikan undang-undang buruh akan mengambil kira pelbagai sudut. Ini termasuklah amalan dan standard antarabangsa di bawah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Selain itu, undang-undang lain yang berkaitan pekerjaan juga akan disesuaikan dengan perubahan semasa dan digubal agar lebih komprehensif. Kajian ini juga akan melihat impak perkembangan pasaran buruh semasa yang lebih fleksibel seperti pewujudan kontrak perkhidmatan pekerjaan yang lebih dinamik.